

**GARIS PANDUAN PERMOHONAN LESEN PENGUSAHAAN ATAU
PENYEDIAAN PERKHIDMATAN PENGANGKUTAN OLEH
PENGANGKUTAN JAUH**

1.0 PENGENALAN

Garis panduan berikut bertujuan memberi panduan bagi permohonan lesen Pengusahaan Atau Penyediaan Perkhidmatan Pengangkutan Oleh Pengangkutan Jauh di bawah Peraturan-Peraturan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (Pelesenan) [Pengusahaan Atau Penyediaan Perkhidmatan Pengangkutan Oleh Pengangkutan Jauh] 2011

2.0 PIHAK YANG BOLEH MEMOHON

2.1 Peremohonan adalah terbuka kepada mana-mana syarikat (ROC dan ROB), pertubuhan (ROS), koperasi, agensi kerajaan serta badan berkanun yang berhasrat untuk mendapatkan lesen bagi Pengusahaan Atau Penyediaan Perkhidmatan Pengangkutan Oleh Pengangkutan Jauh di negeri-negeri dan wilayah berikut:

- (a) Johor;
- (b) Melaka;
- (c) Negeri Sembilan;
- (d) Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur;
- (e) Wilayah Persekutuan Putrajaya;
- (f) Wilayah Persekutuan Labuan;
- (g) Pahang;
- (h) Kedah; dan
- (i) Perlis.

2.2 Pengusaha atau pengendali perkhidmatan pengangkutan oleh pengangkutan jauh di Perak, Kelantan, Terengganu, Pulau Pinang dan Selangor hanya boleh dibuat sebaik sahaja tarikh penguatkuasaan bagi negeri-negeri tersebut

diumumkan oleh Ketua Pengarah Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam.

3.0 TARIKH PERMOHONAN DIBUKA

3.1 Permohonan lesen pengusaha atau pengendali perkhidmatan pengangkutan oleh pengangkutan jauh telah dibuka mulai 19 Februari 2014.

4.0 PROSES PERMOHONAN LESEN

4.1 Permohonan bolehlah dibuat secara atas talian di laman web www.bless.gov.my.

5.0 BAYARAN YANG DIKENAKAN

5.1 Yuran Pemprosesan

- i) Permohonan lengkap akan diproses selepas YURAN PEMPROSESAN sebanyak Ringgit Malaysia Satu Ratus (RM100) diterima oleh Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (PPSPPA).
- ii) Pemohon perlu mengemukakan nombor penghantaran (*Submission Number*) permohonan lesen seperti yang dinyatakan dalam emel semasa membuat pembayaran yuran pemprosesan.
- iii) Bayaran yuran pemprosesan boleh dibuat di kaunter Ibu Pejabat PPSPPA secara tunai, cek atau bank draf atas nama **Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (PPSPPA)**.
- iv) Resit Pembayaran yuran pemprosesan lesen perlu disimpan bagi tujuan pengesahan.

5.2 Yuran Lesen

- i) Yuran lesen sebanyak RM100 per tahun akan dikenakan bagi satu lesen Pengusahaan Atau Penyediaan Perkhidmatan Pengangkutan Oleh

Pengangkutan Jauh yang diluluskan.

- ii) Bayaran boleh dibuat **dalam bentuk wang pos/kiriman wang/bank draf/cek** atas nama **Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan** melalui pos atau membuat bayaran terus di :

Kaunter 12(JPSPN), Aras 1,
Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan
No. 51, Persiaran Perdana, Presint 4,
62100 PUTRAJAYA

6.0 DOKUMEN SOKONGAN

- 6.1 Dokumen sokongan yang dikemukakan hendaklah **sama** dan **sepadan** dengan maklumat yang dinyatakan dalam borang permohonan.
- 6.2 Dua (2) salinan dokumen sokongan perlu disahkan oleh Pesuruhjaya Sumpah atau Pegawai Pengurusan dan Profesional di pejabat negeri / cawangan Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (PPSPPA).
- 6.3 Kesemua salinan dokumen sokongan yang telah disahkan dan resit yuran pemprosesan hendaklah dikemukakan kepada Ibu Pejabat PPSPPA di Kuala Lumpur.

Pemohon dikehendaki mengemukakan dokumen sokongan dan resit yuran pemprosesan dalam **tempoh 14 hari** dari tarikh permohonan lesen dihantar melalui talian sistem BLESS ke Ibu Pejabat PPSPPA di alamat berikut:

Ketua Pegawai Eksekutif

Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam

Wisma UOA Pantai, Tingkat 4

No. 11, Jalan Pantai Jaya (Jalan 4/83A),

59200 KUALA LUMPUR

6.3 Kegagalan mengemukakan dokumen sokongan dan resit bayaran yuran pemrosesan dalam tempoh yang ditetapkan akan menyebabkan permohonan lesen **DITOLAK**.

6.4 Salinan dokumen sokongan yang perlu dikemukakan adalah seperti berikut :-

- a) profil syarikat;
- b) penyata kewangan yang telah diaudit bagi 2 tahun terakhir;
- c) bukti kemudahan pinjaman yang diperolehi;
- d) Sijil Pendaftaran Syarikat atau Persatuan/Pertubuhan dari Suruhanjaya Syarikat Malaysia atau Pendaftar Pertubuhan;
- e) maklumat Stesen Pemindahan yang dikendalikan (jika ada);
- f) pelan Stesen Pemindahan (peta yang menunjukkan lokasi serta keluasan dan persekitaran)(jika ada);
- g) maklumat kelayakan pekerja dan pengalaman kerja dalam bidang yang berkaitan;
- h) salinan gambarajah aliran proses operasi di Stesen Pemindahan (jika ada);
- i) maklumat mengenai Depoh Dan Tempat Meletak Jentera Dan Kenderaan Berat;
- j) lesen atau permit daripada pihak berkuasa berkaitan (seperti Pihak Berkuasa Tempatan, Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) dll.);
- k) maklumat mengenai pelan perkhidmatan kerja; (jika berkaitan) dan
- l) cadangan tarikh mula beroperasi(jika ada).

7.0 TEMPOH LESEN

7.1 Pemohon boleh memilih tempoh lesen Pengusahaan Atau Penyediaan Perkhidmatan Pengangkutan Oleh Pengangkutan Jauh dari dua (2) hingga lima (5) tahun

8.0 PERINGATAN

- 8.1 Pemohon dikehendaki mengemukakan dokumen sokongan dan resit bayaran yuran pemprosesan lesen dalam **tempoh 14 hari** dari tarikh permohonan lesen dihantar melalui talian sistem BLESS ke Ibu Pejabat PPSPPA. Kegagalan mengemukakan maklumat dokumen sokongan dan resit bayaran yuran pemprosesan dalam tempoh yang ditetapkan akan menyebabkan permohonan lesen **DITOLAK**.
- 8.2 Dokumen sokongan yang dikemukakan hendaklah **BETUL dan SEPADAN** dengan maklumat yang dinyatakan dalam borang permohonan.
- 8.3 Permohonan akan **DITOLAK** jika didapati dokumen sokongan yang dikemukakan adalah palsu, tidak betul atau tidak sepadan dengan maklumat di dalam borang permohonan.
- 8.4 PPSPPA boleh meminta maklumat-maklumat tambahan sekiranya perlu

9.0 LAIN-LAIN

- 9.1 Sebarang pertanyaan bolehlah diajukan kepada:

Bahagian Pelesenan
Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam
Wisma UOA Pantai
Tingkat Mezzanine 2,3 dan 4,
No. 11, Jalan Pantai Jaya (Jalan 4/83A),
59200 Kuala Lumpur
No. Tel : 03 - 2245 9292
No. Faks : 03 - 2245 9293
Email : ppsppa@sisa.my

**SENARAI SEMAK PERMOHONAN LESEN PENGUSAHAAN ATAU PENYEDIAAN
PERKHIDMATAN PENGANGKUTAN OLEH PENGANGKUTAN JAUH
AKTA PENGURUSAN SISA PEPEJAL DAN PEMBERSIHAN AWAM 2007
(AKTA 672)**

BIL	PERKARA	SILA TANDA (/)	CATATAN
A	Salinan Resit Pembayaran Yuran Pemprosesan Permohonan Kelulusan		
B	Dua salinan Dokumen Sokongan seperti berikut :		
	1 Profil syarikat		
	2 Penyata kewangan yang telah diaudit bagi 2 tahun terakhir		
	3 Bukti kemudahan pinjaman yang diperolehi;		
	4 Sijil Pendaftaran Syarikat atau Persatuan/Pertubuhan dari Suruhanjaya Syarikat Malaysia atau Pendaftar Pertubuhan;		
	5 Maklumat Stesen Pemindahan yang dikendalikan (jika ada);		
	6 pelan Stesen Pemindahan (peta yang menunjukkan lokasi serta keluasan dan persekitaran)(jika ada);		
	7 Maklumat kelayakan pekerja dan pengalaman kerja dalam bidang yang berkaitan;		
	8 Salinan gambarajah aliran proses operasi di Stesen Pemindahan (jika ada);		
	9 Maklumat mengenai Depoh Dan Tempat Meletak Jentera Dan Kenderaan Berat;		
	10 Lesen atau permit daripada pihak berkuasa berkaitan (seperti Pihak Berkuasa Tempatan, Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) dll.)		
	11 Maklumat mengenai pelan perkhidmatan kerja; (jika ada)		
	12 Cadangan tarikh mula beroperasi(jika ada).		

Tarikh :

Tandatangan :
pemohon ()

Peringatan

- 1) Pemohon dikehendaki mengemukakan 2 salinan dokumen sokongan yang telah **DISAHKAN** oleh Pesuruhjaya Sumpah atau Pengawai Pengurusan dan Profesional PPSPPA ke Ibu Pejabat PPSPPA, Kuala Lumpur dalam tempoh 14 hari dari tarikh menghantar permohonan melalui talian Sistem BLESS.
- 2) Kegagalan pemohon mengemukakan maklumat dokumen sokongan dalam tempoh yang ditetapkan akan menyebabkan permohonan lesen di batalkan.